

8.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Taburan Penduduk di Malaysia

Buku Teks: Muka Surat 90-92

Tahap Penguasaan	TP4	Menerangkan dengan contoh faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di Malaysia
-------------------------	------------	---

Tandakan betul (✓) atau salah (✗) bagi setiap pernyataan di bawah.

Pernyataan	✓/✗
a) Kawasan yang mempunyai kemudahan pendidikan awam seperti IPTA dan IPTS biasanya mempunyai penduduk sederhana	
b) Penduduk lebih memilih untuk tinggal di bandar kerana terdapat pelbagai kemudahan seperti pusat pendidikan, kesihatan dan kemudahan pengangkutan yang pelbagai	
c) Aktiviti perlombongan seperti di Kerteh dan Miri menyebabkan penduduk tinggal di situ untuk mendapatkan peluang pekerjaan.	
d) Dataran Kelantan dan Dataran Kedah Perlis mempunyai taburan penduduk jarang kerana terletak di kawasan pinggir laut.	
e) Kawasan Tasik Chini dan Tasik Bera (Pahang) adalah kawasan berpenduduk padat kerana terdapat aktiviti pelancongan dijalankan di situ.	
f) Kawasan tanah tancangan seperti Felda Kampung Sertik (Pahang) dan Felda Sahabat (Sabah) diwujudkan untuk memajukan sektor pertanian.	
g) Kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak berpenduduk jarang kerana kawasan tanah tinggi dan berhutan tebal.	
h) Kawasan infrastruktur di kawasan kampung biasanya lengkap dan menyediakan perkhidmatan yang meluas	
i) Semporna (Sabah) dan Tumpat (Kelantan) merupakan kawasan pinggir pantai yang berpenduduk sederhana padat.	
j) Kawasan perindustrian Pasir Gudang dan Bayan Lepas di Pulau Pinang merupakan kawasan yang berpenduduk padat	